



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	4/12/2019	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Cadang bina tebatan bah

Jerteh: Kerajaan bercadang membina tebatan banjir di Kelantan dan Terengganu walaupun memerlukan perbelanjaan tinggi bagi mengelakkan bencana banjir di negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kos tebatan banjir di Sungai Golok dianggarkan memerlukan kos RM700 juta, manakala Terengganu RM400 juta.

"Kami bercadang membuat tebatan banjir. Kami perlu melihat secara keseluruhan kerana tahu perbelanjaan tinggi diperlukan.

"Dianggarkan, Kelantan memerlukan RM700 juta manakala Terengganu RM400 juta untuk projek mengatasi banjir dan ini bukan mudah untuk ditangani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan dan beramah mesra dengan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Payong di sini.

PPS SK Seri Payong menempatkan 132 mangsa membabitkan 36 keluarga.